Penentangan Masyarakat Tempatan

Campur tangan British membawa kepada sistem pentadbiran tempatan dan perubahan tersebut menyebabkan masyarakat tempatan tidak berpuas hati kerana kehilangan hak dan kedudukan mereka. Mereka bangkit menentang British melalui penentangan bersenjata, mencabar penjanjian dan menggunakan sistem perundangan.

Dol Said di Naning

Dol Said menentang bayaran cukai hasil tahunan sebanyak 1/10 yang dikenakan terhadap Naning oleh British. Beliau mendakwa Naning sebuah negeri yang merdeka.

- *Dol Said mengadakan pakatan dengan pemimpin Rembau dan oraang Melayu dari wilayah lain.*
- *Perang Naning Pertama berjaya menewaskan British pada tahun 1831*
- *British berjaya memecahbelahkan pakatan tersebut.*
- *British berjaya menakluki Tabah dan menyatukan Naning dengan Melaka setelah Perang Naning Kedua pada tahun 1832.*

Tok Janggut di Kelantan

- Beliau menentang peraturan cukai pada tahun 1915 yang mewajibkan petani membayar cukai tanah.
- Pada 29 April 1915, Tok Janggut mengadakan mesyuarat di Kampung Tok Akib bagi membantah pengenalan cukai oleh British.
- Tok Janggut merancang menyerang Pasir Puteh dengan sokongan Haji Said, Penghulu Adam dan Che Ishak Merbol.
- British menyerang Tok Janggut yang berkubu di Kampung Dalam Pupuh Saring. Dalam pertempuran tersebut, Tok Janggut terkorban

Mat Salleh di Sabah

- Mat Salleh menentang tindakan SBUB mengambil alih hak memungut cukai menyebabkan pembesar tempatan kehilangan kuasa.
- Mat Salleh cuba berunding dengan SBUB namun gagal.
- Pada Julai 1897, Mat Salleh menyerang pusat pentadbiran British di Pulau Gaya.
- Mat Salleh membina kubu di Ranau. Pada November 1897, beliau menyerang Ambong.
- Pada tahun 1898, Cowie berunding dengan Mat Salleh di Menggatal. Mat Salleh dibenarkan mentadbir daerah Tambunan.
- Namun, SBUB tidak menepati janji dan mengambil alih pentadbiran Tambunan pada tahun 1899. Pasukan tentera SBUB menyerang kubu Mat Salleh di Teboh, Tambunan.
- Akhirnya pada tahun 1900, Mat Salleh terkorban dalam pertempuran di Tambunan

Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu

- Sebab penentangan Haji Abdul Rahman Limbong adalah menentang pengenalan pentadbiran Barat di Terengganu serta menolak undang-undang tanah yang bertentangan dengan hukum syarak.
- Peristiwa penentangan:

1. Haji Abdul Rahman Limbong memohon Lesen Wakil (*pleader*) untuk menjadi wakil kepada tertuduh.
2. Beliau bertindak sebagai peguam mewakili penduduk Ulu Telemong menentang pihak kerajaan yang diwakili oleh renjer hutan.
3. Peguam cara (pendakwa) dan hakim gagal menjelaskan pertanyaan Haji Abdul Rahman Limbong. Perbicaraan ditangguhkan dan berakhir tanpa keputusan.
4. Perbicaraan ditamatkan dengan keputusan berpihak kepada Haji Abdul Rahman Limbong.
5. Apabila Kebangkitan Tani berlaku pada tahun 1928, British menangkap Haji Abdul Rahman Limbong atas tuduhan menghasut.

Dato' Bahaman di Pahang

- Dato' Bahaman menentang British disebabkan kehilangan hak mengutip cukai den menentang pembinaan balai polis tanpa pengetahuannya.
- Pada tahun 1891, Dato' Bahaman melancarkan gerakan menentang British dengan bantuan Tok Gajah (Imam Perang Rasul) dan Mat Kilau.
- Pada tahun 1894, Dato' Bahaman dan pengikutnya menawan Kuala Tembeling dan Jeram Ampai.
- British menghantar Kolonel Walker dan berjaya menawan semula Jeram Ampai.

Rentap di Sarawak

- Sebab penentangan ialah apabila James Brooke menuduh Rentap sebagai lanun dan bertindak menghapuskan petempatan orang Iban di Sungai Skrang.
- Pada tahun 1853, Rentap menyerang kubu Brooke di Nanga Skrang menyebabkan pegawai James Brooke terbunuh.
- Pada tahun 1854, James Brooke menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok tetapi Rentap berjaya mengalahkan pasukan Charles Brooke
- Pada tahun 1854, James Brooke menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok tetapi Rentap berjaya mengalahkan pasukan Charles Brooke.
- Pada tahun 1858, kubu Rentap di Bukit Sadok diserang buat kali kedua dan pada tahun 1861, diserang kali ketiga.
- Akhirnya, Rentap berundur ke Entabai dan beberapa tahun kemudian beliau meninggal dunia.

Dato' Maharaja Lela di Perak

- Dato' Maharaja Lela menentang British kerana Residen British mengambil alih kuasa Sultan, mengambil hak mengutip cukai dan mencabuli adat resam orang Melayu.
- Pada 16 Oktober 1874, Sultan Abdullah dan pembesar Perak mengupah R.C. Woods, peguam dari Pulau Pinang untuk memansuhkan Perjanjian Pangkor. Namun, usaha tersebut gagal.
- Beberapa mesyuarat diadakan secara sulit antara Sultan Abdullah dengan pembesarnya bagi membincangkan pakatan untuk menghapuskan Residen British, J.W.W. Birch.
- Pada 2 November 1875, J.W.W. Birch diiringi oleh Leftenan Abbott, Mat Arshad, jurubahasanya dan sepasukan tentera tiba di Pasir Salak untuk menampal surat pengisytiharan mengambil hak memungut cukai oleh British.
- Kesempatan tersebut digunakan oleh Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya untuk membunuh J.W.W. Birch pada 2 November 1875.
- Pada tahun 1877, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Indut dan Siputum dijatuhi hukuman gantung. Sultan Abdullah, Raja Ismail dan Ngah Ibrahim dibuang negeri.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.